

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2012-2013
DI BAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Rasional / Objektif	Keterangan Ringkas
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi		
JABATAN BURUH						
1	Mengemaskini laman Web Jabatan Buruh	✓			Objektifnya antara lain adalah seperti berikut:- i) Untuk memberikan maklumat fungsi dan peranan Jabatan Buruh; ii) Untuk memberikan maklumat tatacara permohonan-permohonan di Jabatann Buruh; dan iii) Untuk memberikan maklumat mengenai perkembangan-perkembangan terkini seperti dari segi dasar Jabatan dan mesyuarat-mesyuarat yang dihadiri oleh Jabatan.	Laman Web Jabatan Buruh telah mula dikemaskini pada awal bulan Mei 2011. Pada 6 Disember 2011, laman web berkenaan telah dilancarkan semula dengan menampilkan rekabentuk menarik, lebih mesra pengguna, informatif dan interaktif. Dalam masa yang sama, borang-borang permohonan juga dapat dimuat turun melalui laman web ini.
2	Perlaksanaan Perintah Agensi Pekerjaan 2004	✓			Perintah Agensi Pekerjaan, 2004 adalah bertujuan seperti berikut:- i) Untuk mengawal aktiviti-aktiviti Agensi Pekerjaan di Negara Brunei Darussalam; ii) Untuk mengurangkan kes penipuan agensi pekerjaan iii) Untuk memberikan pengiktirafan kepada Agensi Pekerjaan yang memenuhi syarat; dan iv) Untuk mengawasi / memantau proses pengambilan pekerja asing ke Negara ini.	<ul style="list-style-type: none"> ● Perintah Agensi Pekerjaan, 2004 telah diwartakan pada 22 Disember 2004 sebagai satu undang-undang bagi mengawal aktiviti-aktiviti agensi pekerjaan di Negara Brunei Darussalam ● Disebabkan oleh beberapa perkara tertentu seperti ketetapan kadar charges bagi perkhidmatan agensi dan proses perlesenan agensi pekerjaan yang belum begitu teratur, telah melambatkan proses pelaksanaan perintah agensi pekerkaan 2004 dengan sepenuhnya ● Walaubagaimanapun, menjunjung Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam, Perintah Agensi Pekerjaan 2004 telah mula dilaksanakan secara rasminya bermula pada 1hb Julai 2011 ● Pada 1 Januari 2012, adalah tarikh penguatkuasaan Perintah Agensi Pekerjaan, 2004 dengan sepenuhnya.
3	Penyelarasan Peraturan Cuti Beranak	✓			Peraturan ini adalah bertujuan bagi menjaga kesejahteraan kaum ibu sebelum dan selepas bersalin dan dimasa yang sama memenuhi kehendak piawaian Pertubuhan Buruh Antarabangsa	Peraturan cuti beranak ini adalah menjunjung Titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena tahun 2011 yang mana tempoh cuti beranak bagi Sektor Awam telah dinaikkan kepada 105 hari dan peraturan ini juga dilaratkan ke Sektor Swasta iaitu pindaan dibawah Perintah Pekerjaan 2009.
4	Insuran Perubatan	✓			Tujuan bagi mengadakan perlindungan insuran perubatan adalah seperti berikut: i) Untuk mengurangkan kos tunggakan perbelanjaan kerajaan dalam menanggung rawatan perubatan warga asing, termasuk pekerja-pekerja asing yang mana sehingga 31 Mac 2010, jumlah tunggakan tersebut mencapai B\$1.25 juta; dan ii) Untuk menjaga kebajikan pekerja asing yang bekerja di Negara ini.	Insuran Perubatan adalah salah satu kaedah perlindungan sosial yang digunakan dikebanyakkan negara diseluruh dunia. Di Negara Brunei Darussalam, kaedah ini akan diperkenalkan bagi mengatasi masalah tunggakan kerajaan dan di masa yang sama akan dapat menghaga kebajikan pekerja asing di Negara ini. Pada masa ini tiada undang-undang khusus mengenai dengan kewajipan majukan untuk memberikan insuran perubatan kepada pekerja-pekerja mereka, hanya ada perlindungan insuran bagi kecederaan semasa bekerja dibawah akta Papasan Pekerja, 1957

5	Pengenaan kompoun bagi kesalahan-kesalahan perburuhan, Bab 147	✓		<p>Pengenaan kompoun ini adalah bertujuan seperti berikut:-</p> <p>i) Untuk urusan penyelesaian kes dengan yang mudah dan cepat bagi kesalahan-kesalahan kecil; dan</p> <p>ii) Untuk mengurangkan beban pegawai-pegawai penyiasat dan pendakwa yang mana kesalahan-kesalahan kecil ini tidak perlu dihadapkan bagi pendakwaan ke mahkamah yang memerlukan proses-proses yang agak rumit</p>	<p>Kuasa kompoun adalah satu kaedah yang diperkenalkan dibawah Bab 147 Perintah Pekerjaan,2009. Dalam Bab 147 didalam Perintah tersebut, kuasa hanya diberikan kepada Pesuruhjaya Buruh dan Timbalan Pesuruhjaya Buruh</p> <p>Dalam pada itu, kuasa pengenaan kompoun ini boleh diberikan oleh Pesuruhjaya Buruh dan Timbalan Pesuruhjaya Buruh dan Timbalan Pesuruhjaya Buruh kepada pegawai-pegawai Jabatan ini melalui Notification of Delegation di dalam Perintah Pekerjaan 2009.</p>
6	Penggubalan Syarat Lesen Mengambil dan Menggaji Pekerja Asing, Bab 112	✓		<p>Tujuan syarat lesen ini dinilai semula adalah seperti berikut:-</p> <p>i) Untuk membuat perubahan dan penyelerasan kepada syarat-syarat yang sedia ada dengan rujukan kepada Perintah Pekerjaan 2009; dan</p> <p>ii) Untuk menyatakan perkara-perkara tertentu lebih spesifik, seperti menyatakan tempat pekerjaan di dalam syarat lesen tersebut dan penekanan mengenai penyalahgunaan jawatan. Dengan adanya syarat-syarat yang lebih spesifik seperti contoh-contoh di atas, kes penempatan pekerja dan penyalahgunaan jawatan akan dapat ditangani.</p>	<p>Syarat-syarat lesen yang dimasukkan di dalam lesen pengambilan pekerja asing yang ada pada masa ini telah digunakan semenjak tahun 1954</p>
7	Meningkatkan Kadar Gaji Maksima Bagi Pengaduan Pertikaian Pekerja Bab 123	✓		<p>Tujuan peningkatan kadar gaji minima ini adalah bagi memudahkan Jabatan ini menangani kes gaji yang melebihi \$1,600 yang mana kebanyakan kes-kes ini melibatkan pekerja anak tempatan.</p>	<p>Pindaan ini ditimbulkan ekoran ada terdapat kes pekerja anak-anak tempatan yang tidak terlindung di bawah kawalan perintah pekerjaan 2009</p>
8	Pengenaan Levi Bagi Pengambilan Pekerja Asing	✓		<p>Dasar ini adalah bertujuan seperti berikut:-</p> <p>i) Untuk membukakan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan melalui peningkatan kos pengambilan pekerja asing;</p> <p>ii) Untuk menambah kutipan hasil kerajaan; dan</p> <p>iii) Kutipan hasil daripada pengenaan levi ini akan digunakan untuk tujuan latihan kemahiran kepada anak-anak tempatan</p>	<p>Pengenalan levi bagi pengambilan pekerja asing ini adalah salah satu daripada sembilan (09) dasar pengambilan pekerja asing yang telah dihadapkan (proposed) kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada tahun 2009.</p> <p>Daripada sembilan (09) dasar tersebut, di dalam mesyuarat yang diadakan pada tahun 2009, Yang Berhormat mantan Menteri Hal Ehwal dalam Negeri telah bersetuju untuk Jabatan Buruh melaksanakan dasar pengenaan levi terlebih dahulu.</p>
9	Labour Control System (LCS)	✓		<p>Pengunaan LCS adalah bertujuan seperti berikut :-</p> <p>i) Untuk menaiktaraf sistem informasi Jabatan Buruh yang ada pada masa ini dengan memperbaharui business process;</p> <p>ii) Untuk mempercepat Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR)</p> <p>iii) Untuk mempermudah perhubungan dengan agensi-agensi seperti Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan</p>	<p>Pada masa ini, Jabatan Buruh menggunakan sistem Labour Information System (LIS) iaitu sebuah sistem / aplikasi bagi memasukkan data dan mengeluarkan maklumat yang telah diisikan (entry and retrieve information). Aplikasi LIS berfungsi sebagai tempat memasukkan data seperti butiran-butiran amah, majikan, syarikat dan pekerja asing.</p> <p>Memandangkan banyak kekurangan LIS ini, Jabatan Buruh adalah dalam proses bagi penggunaan Labour Control System (LCIS) yang mana adalah sebuah sistem yang lebih komprehensif menggunakan work-flow orientation.</p>

10	Business Licensing System (BLS)		✓	<p>BLS bertujuan seperti berikut :-</p> <p>i) Untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai bagi memulakan perniagaan;</p> <p>ii) Untuk mempercepatkan proses-proses permohonan; dan</p> <p>iii) Untuk mengurangkan kekerapan perjumpaan orang ramai ke Jabatan-Jabtab yang berkaitan</p>	<p>Projek ini adalah projek yang dikendalikan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bersama-sama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN)</p> <p>Semua agensi-agensi Kerajaan yang terlibat di dalam proses memulakan permohonan daripada orang ramai yang hendak memulakan perniagaan. Ini termasuk Jabatan Buruh, jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Bandar, Jabatan Daerah, Jabatan Tanah dan lain-lain.</p> <p>BLS ini akan bertindak sebagai satu agensi yang akan menerima permohonan daripada orang ramai yang hendak memulakan perniagaan. Ini termasuk permohonan-permohonan seperti Pendaftaran Syarikat, mendapatkan Operation Permit (OP), lesen rampaian, lesen pengambilan pekerja asing, pas kerja dan lain-lain.</p>
11	Penyediaan Buku Panduan Jabatan Buruh		✓	<p>Peyediaan buku panduan ini adalah bertujuan bagi memberikan maklumat kepada orang ramai berkenaan dengan fungsi dan peranan perkhidmatan Jabatan Buruh. Ini termasuk maklumat mengenai tatacara permohonan - permohonan di Jabatan ini seperti permohonan lesen pengambilan pekerja asing, sokongan pas kerja dan penandatanganan kontrak pekerjaan untuk pemahaman dan rujukan orang ramai</p>	<p>Jabatan Buruh telah mula mengusahakan bagi penyediaan Buku Panduan Jabatan Buruh pada bulan Jun 2011. Setakat ini hanya ada menyediakan leaflets dan pamphlets untuk memberikan maklumat kepada orang ramai.</p>
12	Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC) ke 101		✓	<p>Tujuan utama Pertubuhan Buruh Antarabangsa ini adalah untuk menggalakkan peluang-peluang bagi semua pekerja bagi mendapatkan kerja yang produktif dan tertib (decent work)</p> <p>Pertubuhannya in mencapai matlamatnya melalui penguatkuasaan konvensyen-konvensyen berkaitan dengan buruh dan kerjasama teknikal dengan negara-negara ahli.</p>	<p>Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organization) pada 17 Januari 2007. Sejak tarikh tersebut, delegasi rasmi dari Negara Brunei Daussalam telah menghadiri persidangan Buruh Antarabangsa (internatioan Labour Conference) setiap tahun di Geneva, Switzerland.</p> <p>Rombongan delegasi adalah termasuk Yang Berhormat Menteri hal Ehwal Dalam Negeri sebagai ketua delegasi, Setiausaha Tetap, Pegawai-Pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Buruh dan wakil-wakil dari pertubuhan pekerja dan majikan.</p> <p>Persidangan tahunan ini membincangkan isu-isu utama berkaitan dengan isu-isu perburuhan</p> <p>Sejak Negara Brunei Darussalam menjadi ahli pertubuhan ini, Negara Brunei Darussalam telah meratifikasikan dua konvensyen yang asas (Fundamental Conventions) iaitu Worst Forms of Child Labour (C182) dan hya Minimum Age (C138)</p>
13	Bengkel Mengenai Maritime Labour Convention (MLC)		✓	<p>Objektif bengkel ini adalah untuk memastikan semua pihak-pihak berkepentingan (relevant stakeholders) memahami dengan sepenuhnya keperluan konvensyen ini.</p>	<p>Ketetapan Pertubuhan Buruh Antarabangsa untuk mewujudkan konvensyen baru berkaitan dengan buruh maritim adalah hasil daripada salah satu resolusi yang dikeluarkan pada tahun 2001 yang mana ditubuhkan oleh pelaut-pelaut antarabangsa dan oertubuhan pemilik-pemilik kapal. Pada tahun berkenaan, resolusi ini telah juga disokong oleh pihak kerajaan.</p> <p>Tujuan konvensyen ini dibuat adalah untuk mengalakkan syarat-syarat kelayakkan kerja untuk semua pelaut-pelaut antarabangsa dan memastikan keadilan dalam sektor-sektor perkapalan.</p> <p>Pada tahun 2011, Jabatan Buruh dan Jabatan Laut telah bekerjasama untuk memberikan kefahaman dalaman (internal awareness) mengenai konvensyen tersebut. Disamping itu Jabatan Buruh juga akan mengendalikan satu bengkel pada tahun 2012 khusus untuk membincangkan aspek-aspek yang penting didalam konvensyen ini.</p>

14	ASEAN Workshop on Extending Social Insurance to the Self or Informal Employed		✓	<p>Tujuan bengkel ini adalah seperti berikut:</p> <p>i) Unuk berkongsi pengalaman dan strategi diantara Ngeara-negara ASEAN</p> <p>ii) Untuk menimba pengalaman daripada pakar-pakar; dan</p> <p>iii) Untuk menyediakan kesimpulan mengenai dengan kedudukan isu ini di Negara-negara ASEAN</p>	<p>Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi ASEAN Workshop on Extending Social Insurance to the Self or Informally Employed yang akan diadakan pada bulan Julai 2012</p> <p>Program ini adalah program yang termasuk di bawah ASEAN Labour Minister's Work Programme (2010-2015) yang mana Negara Brunei Darussalam telah bersetuju untuk mengendalikan bengkel ini semasa mesyuarat SLOM-WG di Ha Lng, Viet Nam pada 15 Oktober 2010</p>
15	Sambutan Hari Pekerja		✓	<p>Tujuan sambutan Hari Pekerja diadakan di Negara ini adalah seperti berikut:-</p> <p>i) Untuk memperingati sumbangan-sumbangan pekerja;</p> <p>ii) Untuk memupuk semangat perpaduan dan kerjasama diantara majikan dan pekerja; dan</p> <p>iii) Untuk meningkatkan kefahaman, khususnya majikan dan pekerja bagi isu-isu perburuhan</p>	<p>Semenjak Negara Brunei Darussalam menjadi ahli Pertubuhan Buruh Antarabangsa pada 17 Januari 2007, Sambutan Hari Pekerja telah mula diadakan di Negara ini.</p> <p>Sambutan hari Pekerja ini diadakan pada 1 mei setiap tahun di kebanyakan Negara di dunia. Di Negara Brunei Darussala, acara sambutannya adalah berbentuk taklimat dan pameran untuk meningkatkan kefahaman majikan dan pekerja bagi isu-isu perburuhan.</p>
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN					
16	Project Frequent Traveler's di 3 buah pemeriksaan imigresen iaitu kompleks pemeriksaan dan kawalan ujung jalan Temburong, Pos Kawalan Kuala Lurah dan Pos Kawalan Sungai Tujoh		✓	<p>Mengeratkan hubungan dua hala dan hubungan kerja dalam bidang Imigresen bagi dua buah negara yang berkaitan iaitu Malaysia dan Negara Brunei Darussalam</p> <p>Memberikan perkhidmatan penambahbaikan terhadap kemudahan pelepasan imigresen (immigration clearance) kepada orang ramai yang terdiri daripada warganegara Brunei dan Malaysia</p> <p>Meningkatkan dan menambahbaik prestasi kerja Jabatan dan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai yang berhubungkait dengan prosedur perlepasan imigresen agar lebih cepat, efisien dan efektif</p> <p>Mendokong hasrat kerajaan untuk menggunakan Infor Komunikasi Teknologi (ICT) dalam Perkhidmatan Awam dengan membangun sebuah sistem aplikasi E-FTF bagi proses pendaftaran dan permohonan FTF</p> <p>Memberikan kemudahan tambahan (value added) dan meningkatkan produktiviti Jabatan</p>	<p>Project Sistem Frequent Traveler's facility ini adalah kesinambungan daripada Projek Sistem Frequent Travele's Card yang mana projek berkenaan adalah hasil daripada kerjasama dua hala di antara Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Brunei dan Jabatan Imigresen Malaysia dalam memberikan kemudahan orang ramai khususnya warganegara Brunei Darussalam dan Malaysia yang membuat perjalanan kerap keluar/masuk dari / ke Pos kawalan Sungai Tujoh Kuala Belait dan Miri Sarawak.</p> <p>Ia telah mula dilaksanakan pada tahun 2007 dengan menggunakan kad pengenalan pintar negara masing-masing. Akan tetapi dilihat ianya mempunyai beberapa kelemahan dan disebabkan dengan adanya pengenalan paspot bimetric, maka ianya dinaik taraf dengan menggunakan paspot Biometric sahaja dan bukan kad pengenalan.</p>
17	Membuka perkhidmatan kaunter Bahagian Paspot pada setiap hari Jumaat sebulan sebelum dan selepas Musim Cuti Persekolahan		✓	<p>Untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik pada orang ramai dan memberikan peluang untuk berurusan pada hari kelepasan awam.</p> <p>Untuk menangani masalah kesesakan yang ada dibahagian paspot terutama sekali semasa cuti persekolahan. Jumlah orang yang memohon kadangkala mencecah 4 kali ganda dari hari kebiasannya.</p>	<p>Salah satu produk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan ialah pengeluaran beberapa jenis dokumen perjalanan khas untuk warganegara Brunei dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam (stateless)</p> <p>Setiap cuti penggal persekolahan, adalah menjadi satu trend bagi orang ramai berpusu-pusu untuk membuat permohonan paspot sama ada baharu atau memperbaharui dan disebabkan oleh perkara ini, timbul kesesakan di bahagian Dokumen Perjalanan termasuklah cawangan.</p> <p>Bagi mengurangi kesesakan yang ada, Bahagian tersebut telah membuka kaunter perkhidmatan paspot pada setiap hari Jumaat iaitu sebulan sebelum dan selepas cuti penggal persekolahan di ibu pejabat dan cawangan Kuala Belait.</p>

18	Membuka Kaunter Khas Paspot bagi warga Emas dan anak damit		✓	<p>Untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai terutama bagi warga emas dan anak damit supaya tidak perlu lagi menunggu lama semasa membuat permohonan</p>	<p>Bahagian Dokumen perjalanan adalah dikunjungi oleh orang ramai yang terdiri daripada warganegara Brunei dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang tidak berwarganegara (Stateless). Pengunjungnya boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan iaitu anak damit, dewasa dan juga warga emas. Sistem pemberian nombor permulaannya adalah dari segi mengikut gliran dan setelah diperhatikan, ada dua kumpulan pemohon yang memerlukan perhatian yang khusus disebabkan faktor usia.</p> <p>Setelah dilihat dari segi jumlah yang membuat permohonan setiap hari, maka Jabata membuka kaunter khas bagi mereka yang kategori warga emas yang berusia 60 tahun dan keatas serta juga kaunter bagi anak-anak damit.</p>
19	Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujung Jalan Temburong mula beroperasi		✓	<p>Salah satu matlamat strategik Jabatan adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai selaras dengan undang-undang dan peraturan. Tindakan strategik Jabatan dalam memenuhinya adalah dalam menaikkan taraf atau membina baru prasarana dan infrastruktur termasuklah Pos Kawalan</p>	<p>Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mempunyai sebanyak 11 pos kawalan sama ada berbentuk sementara dan kekal. Setiap tahun, lebih kurang 6 ke 7 juta transaksi keluar masuk telah dicatat melalui pos - pos kawalan yang ada</p> <p>Pos kawalan yang terdapat di daerah Temburong dan pemeriksaan Ujung Jalan Temburong adalah merupakan salah satu projek RKN ke 8 bagi menggantikan Pos Kawalan Puni yang telah beroperasi sejak tahun 1972</p>
20	Mengadakan Bengkel Penyerapan Falsafah Melayu Islam Beraja dengan kerjasama pihak Universiti Brunei Darussalam bagi mereka yang bakal menerima Sijil Kerakyatan		✓	<p>Memberikan peluang dan kesempatan kepada semua bakal penerima - penerima sijil taraf kerakyatan untuk menghayati lebih mendalam lagi khususnya dari aspek-aspek hidup bernegara dengan menghayati falsafah Melayu, Islam, Beraja termasuklah mengetahui akan peranan masing-masing selaku rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.</p>	<p>Bahagian Pendaftaran Taraf kerakyatan (warganegara) adalah salah satu bahagian di bawah pentadbiran Pendaftaran Kebangsaan selain daripada bahagian kad pengenalan dan pendaftaran kelahiran, kematian dan anak angkat.</p> <p>Salah satu daripada tugas utama Bahagian tersebut ialah memproses permohonan mereka yang berkecualan untuk menduduki ujian Bahasa Melaiu secara bertulis dan lisan dan proses pengeluaran sijil taraf kerakyatan setelah calon-calon lulus peperiksaan dan diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.</p> <p>Sebelumnya hanya sesi taklimat daripada beberapa agensi kerajaan selama sehari dibuat sebelum calon-calon menduduki Ujian Bahasa Melaiu secara bertulis dan sesi taklimat sehari sebelum menerima sijil taraf kerakyatan. Bagi rujukan untuk meningkatkan dan menambah nilai lagi kualiti perkhidmatan, maka dengan kerjasama daripada akademi pengajian Brunei, Universiti Brunei darussalam telah menjalankan sesi bengkel selama sehari yang bersangkutan dengan perkara yang berkaitan dengan falsafah Negara iaitu Melayu, Islam dan Beraja.</p>

21	Menambah Perkhidmatan Pendaftaran Taraf Kebangsaan (warganegara) di Cawangan Tutong dan Temburong		✓	<p>Salah satu matlamat strategik Jabatan adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ada.</p> <p>Bagi merealisasikan perkara ini, Jabatan telah membuka perkhidmatan tambahan di cawangan Tutong dan Temburong khusus bagi permohonan Taraf Kerakyatan dimasa sebelumnya ianya hanya boleh dibuat di Ibu Pejabat dan juga cawangan Kuala Belait.</p>	<p>Pendaftaran kebangsaan adalah terdiri daripada Bahagian Kad Pengenalan, Bahagian Pendaftaran Taraf Kebangsaan (warganegara) dan kelahiran, kematian dan anak angkat.</p> <p>Jabatan imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan adalah ditempatkan di keempat-empat daerah seperti mana berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan ● Pejabat Jabatan Imigresen Pendaftaran Kebangsaan cawangan Kuala Belait ● Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Cawangan Tutong ● Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Cawangan Temburong <p>Perkhidmatan pendaftaran taraf kebangsaan (warganegara) tidak ada dibukakan di cawangan Temburong disebabkan oleh faktor ketiadaan pegawai dan kakitangan dan bgi cawangan Tutong pula, kategori perkhidmatan adalah terhad. Memandangkan bertambahnya permohonan di cawangan Tutong dan Temburong, maka ianya telah mula dibukakan dan perjumpaan bersama Pegawai Kanan Pendaftaran Kebangsaan dibuat secara berjadual.</p>
22	Pemberian Elaun Shift bagi yang bertugas di Pos-Pos Kawalan		✓	<p>Antara objektif utama dalam memberikan elaun shift adalah seperti mana berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Untuk kesejahteraan pegawai imigresen yang bertugas di pos-pos kawalan ● Untuk mengimbal / menampung pegawai yang bertugas pada hari kelepasan awam ● Sebagai satu intensif kepada pegawai-pegawai Sebagai dorongan supaya pegawai-pegawai meneruskan perkhidmatannya dengan Jabatan ini ● Mengurangkan sikap berani untuk meminta bantuan secara tidak jujur kepada orang yang tidak bertanggungjawab ● Mengurangkan tekanan pengaruh dari orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang meminta perkhidmatan di luar kuasa pengawal imigresen dengan menjadikan imbalan 	<p>Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mempunyai 10 Pos Kawalan dan 01 Sub Pos Kawalan iaitu :-</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pos kawalan Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas ● Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah ● Pos Kawalan Imigresen Feri Terminal Serasa ● Pos Kawalan Imigresen Pelabuhan Air Dalam, Muara ● Pos kawalan Imigresen Putat ● Sub Pos Kawalan Imigresen Pandam ● Pos Kawalan Imigresen Puni, Temburong ● Pos Kawalan Imigresen Labu, Temburong ● Pos Kawalan Sungai Tujuh, Kuala Belait ● Pos Kawalan Imigresen Dermaga, Kuala Belait ● Pos Kawalan Imigresen Anduki Seria <p>Berasaskan kepada jumlah keseluruhan pegawai imigresen yang ada pada masa ini yang ditugaskan secara bergilir-gilir di kesemua pos-pos kawalan Imigresen termasuklah Sub-Pos Kawalan berkenaan yang berjumlah seramai hampir 200 orang, maka elain shift adalah diberikan selaras dengan kriteria - kriteria yang telah digariskan. Pemberhentian pemberian elaun shift juga di masukkan dalam garispuandu seperti jika pegawai didapati membuat kesalahan dan diambil tindakan tatatertib, pegawai bercuti melebihi 30 hari dan sebagainya.</p>

23	Penggunaan ASEAN Lane di Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas	✓	<p>ASEAN Lane adalah merupakan kemudahan tambahan bagi pemegang-pemegang paspot dari negara - negara anggota ASEAN yang tiba di Negara Brunei Darussalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas. Lorong baru yang dibuka adalah bertujuan untuk warganegara asing yang hendak melancang atau mengadakan urusan rasmi di Negara Brunei Darussalam.</p> <p>ASEAN Immigration lane juga akan berfungsi sebagai tambahan kepada laluan yang sedia ada untuk warganegara Brunei dan warganegara asing serta pemegang paspot Diplomatik.</p>	<p>Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) mempunyai matlamat dalam mengintegrasikan ekonominya serantau dalam tahun 2015 dengan ciri-ciri utama seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pasaran dan pengeluaran asas yang unggul • Rantau ekonomi yang sangat berdaya saing • Satu rantau pembangunan ekonomi yang saksama • kawasan yang bersepadu sepenuhnya ke dalam ekonomi global <p>ASEAN lane merupakan satu komitmen jabatan bersama dengan negara-negara ASEAN yang lainnya dalam menyokong wawasan pemimpin ASEAN dalam merelaisasikan komuniti ekonomi ASEAN (AEC). Setakan tahun 2013, Singapura, Malaysia dan Thailand telah melaksanakan inisiatif tersebut.</p> <p>ASEAN immigration Lane telah mula diujicuba sebagai projek perintis sejak awal tahun 2013</p>
24	Menyediakan "hotline" di bahagian penguatkuasaan Undang-undang, jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	✓	<p>Projek hotline Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan adalah merupakan salah satu kaedah perkhidmatan kepada orang ramai selaras dengan matlamat strategik Jabatan melalui tindakan strategik iaitu memantapkan mutu kemahiran laluan kepada orang ramai dan meningkatkan aktiviti-aktiviti Penguatkuasaan dengan lebih teratur dan efisien.</p> <p>Projek ini memfokuskan kepada keselamatan dan keamanan masyarakat di Negara Brunei Darussalam daripada sebarang anasir jenayah di dalam negara dan juga jenayah merentasi sempadan</p>	<p>Bahagian penguatkuasaan undang-undang mempunyai misi tersendiri iaitu memastikan semua peruntukan Akta dan peraturan Imigresen dan Akta dan Peraturan Pasport - paspot dijalankan dan dipatuhi oleh semua pihak terutamanya orang-orang asing supaya tidak akan menjejaskan kepentingan negara dari segi keselamatan, keharmonian, sosial, ugama dan sebagainya.</p> <p>Projek menyediakan "hotline" Bahagian penguatkuasaan undang-undang adalah salah satu daripada berbagai projek yang dibuat oleh bahagian tersebut dimana orang ramai boleh membuat aduan -aduan kepada Jabatan yang berkaitan dengan bidangkuasa dijalankan</p> <p>Hotline adalah salah satu daripada tiga cara bahagian penguatkuasaan undang-undang menerima maklumat daripada orang ramai selain daripada melalui perjumpaan secara langsung dan juga melalui persuratan.</p>
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT				
25	Program Fire Marshall	✓	<p>Memberikan kefahaman yang mendalam dan pendedahan yang luas berhubung dengan pencegahan kebakaran, pengurusan keselamatan orang awam.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengosongan bangunan perlu ada latihan bagi memastikan kesemua orang tidak berada di dalamnya. • Tugas seorang Fire Marshall ialah membantu agensi keselamatan dan memastikan semua penghuni bangunan berada di " Assembly Point" dengan selamat.
26	Fire Emergency Plan	✓	<p>Garis panduan untuk semua pengguna dan pengurus termasuk arkitek dan konsultan</p>	<p>Meningkatkan kesedaran individu agar dapat mewujudkan pelan keselamatan bangunan yang mantap dengan mengetahui tatacara melaksanakan , megawal, memantau dan mengaji keselamatan kebakaran.</p>
27	Anugerah Balai Bomba Contoh	✓	<p>Penambahbaikan dari</p> <ul style="list-style-type: none"> • sudut operasi • sudut perancangan dan latihan • sudut teknikal • sudut pentadbiran dan kewangan 	<p>Balai berfungsi secara efisien mengurus tadbir sumber-sumbernya dengan teratur dan berkesan dari sudut operasi, latihan, teknikal dan pentadbiran.</p>
28	Pertandingan Kemahiran Bomba (Skills Competiton)	✓	<p>Pemenang dari JBP akan dihantar ke Singapura untuk mengikuti pertandingan antarabangsa yang dianjurkan oleh pertahanan awam Singapura</p>	<p>Program ini adalah sebahagian daripada usaha mempromosikan kesiapsiagaan kecemasan secara umum, meningkatkan dan menyediakan landasan bagi pasukan-pasukan Bomba serantau Asia untu berinteraksi dan berkongsi kemahiran operasi mereka dalam pertandingan persahabatan.</p> <p>Ketua-ketua pasukan bomba Rantau Asia membincangkan mengenai aspek-aspek terkini kebombaannya dari segi teknologi, perkembangan semasa di samping memperbaharui usaha kerjasama di antara Republik Singapura dengan negara ini.</p>

29	Upgrading Fire and Rescue management System		✓	Menambahbaik sistem yang sedia ada	Sistem digunakan sejak 2008. Sudah tiba masanya untuk dikemaskini.
30	Defensive Driving for Fire Driver		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi memberikan komitmen serta tanggungjawab yang tinggi agar keselamatan menuju ke tempat insiden dengan selamat. • Untuk mencapai dan mempertahankan ilmu serta mutu memandu cara yang betul, efisien dan profesional. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi pemandu flit jentera berat untuk memandu secara defensif hingga ke pengurusan stres dan keletihan serta ujian praktikan ditempat latihan • Kecekapan pemandu akan di uji semula dari masa kesemasa.